mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak, perbuatan atau kemungkiran orang itu.

Kesalahan memujuk, mempengaruhi, atau menghasut orang berugama Islam supaya mengubah keimanan.

4. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seseorang yang berugama Islam—

(*a*) supaya cenderong kepada mana-mana ugama bukan Islam; atau

(*b*) supaya menjadi penganut atau anggota mana-mana ugama bukan Islam; atau

(*c*) supaya meninggalkan atau tidak suka kepada ugama Islam.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

(3) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah seksyen kecil (1) bahawa orang berugama Islam itu telah tidak terpengaruh oleh apa-apa perkara yang diperkata atau dilakukan oleh orang yang dituduh itu kepadanya.

Kesalahan mendedahkan orang belum dewasa berugama Islam kepada pengaruh ugama bukan Islam.

5. (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia menyuruh, menyebabkan, memujuk, mempengaruhi, menghasut, menggalakkan atau membiarkan seorang belum dewasa yang berugama Islam supaya—

(*a*) menerima ajaran dalam mana-mana ugama bukan Islam; atau

(*b*) supaya menyertai apa-apa istiadat, perbuatan menyembah atau aktiviti keugamaan mana-mana ugama bukan Islam; atau

(*c*) mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang dijalankan untuk faedah mana-mana ugama bukan Islam atau yang dianjurkan atau dikelolakan oleh apa-apa badan atau institusi yang bertalian dengan mana-mana ugama bukan Islam.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

(3) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah seksyen kecil (1) bahawa orang yang dituduh itu tidak mengetahui atau tidak diberitahu oleh sesiapa mengenai ugama orang belum dewasa itu.

Kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam.

**6.** (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia—

(*a*) mengunjungi; atau

(*b*) mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan; atau

(*c*) dengan apa-cara lain pun menghubungi,

seorang berugama Islam bagi maksud mendedahkan orang berugama Islam itu kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa ugama bukan Islam kepada orang berugama Islam.

**7.** (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia—

(*a*) dari dalam Negeri menghantar atau menyerahkan atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang berugama Islam di dalam atau di luar Negeri; atau

(*b*) dari luar Negeri menghantar atau menyebabkan dihantar atau diserahkan kepada seorang berugama Islam di dalam Negeri,

apa-apa terbitan atau bahan iklan mengenai apa-apa ugama bukan Islam yang tidak diminta oleh penerima itu.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud seksyen kecil (1), sesuatu terbitan yang dihantar kepada atau diserahkan di alamat seseorang hendaklah dianggap sebagai dihantar atau diserahkan kepada orang itu.

(4) Adalah tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah seksyen kecil (1) bahawa orang yang kepadanya terbitan yang berkenaan itu dihantar atau diserahkan telah membuat permintaan bagi mendapatkannya jika permintaan itu telah didorong oleh orang yang dituduh itu atau oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang dituduh itu.

(5) Seksyen kecil (1) tidak terpakai bagi mana-mana pegawai atau pekerja Jabatan Pos yang menghantar atau menyerahkan apa-apa terbitan di dalam menjalankan tugas-tugas rasminya.

Kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai ugama bukan Islam kepada orang berugama Islam.

**8.** (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia, dalam masa membahagikan di suatu tempat awam apa-apa terbitan mengenai ugama bukan Islam, dengan sengaja menyerahkan salinan atau salinan-salinan terbitan itu kepada seorang berugama Islam.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumber Islam.

**9.** (1) Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia—

*(a)* dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan; atau

*(b)* dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam; atau

*(c)* dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau

(*d*) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang diterbit atau disiarkan dan yang pada masa ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu, atau munasabahnya patut tahu ianya akan diterbitkan atau disiarkan,

menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I kepada Jadual; atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu ugama bukan Islam.

(2) Seseorang yang tidak berugama Islam adalah melakukan kesalahan jika dia, dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen kecil (1), menggunakan mana-mana perbahasaan yang disenaraikan dalam Bahagian II kepada Jadual, kecuali sebagai petikan atau rujukan.

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyenkecil (1) atau (2) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(4) Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Tauliah untuk menjalankan kuasa-kuasa pegawai bertauliah.

**10.** Raja dalam Mesyuarat boleh secara bertulis mentauliahkan mana-mana pegawai awam supaya menjalankan kuasa-kuasa pegawai bertauliah di bawah Enakmen ini.

Kesalahan boleh tangkap dan kes boleh tangkap. *N.M.B. Bab 6.*

**11.** Semua kesalahan dan kes di bawah Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai kesalahan-kesalahan boleh tangkap dan kes-kes boleh tangkap bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah.

Kuasa untuk menyiasat dan menangkap.

**12.** Pegawai bertauliah boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini dan boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki telah melakukan mana-mana kesalahan itu.

Kuasa untuk memerintah saksi-saksi hadir.

**13.** (1) Pegawai bertauliah yang membuat penyiasatan di bawah Seksyen 12 boleh dengan perintah secara bertulis memerintahkan mana-mana orang yang pada pendapatnya tahu akan hal-hal yang berkaitan dengan kes itu supaya hadir di hadapannya dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang yang dikenakan perintah di bawah sekseyn kecil (1) mungkir hadir sebagaimana dikehendaki oleh perintah itu, pegawai bertauliah itu boleh melaporkan kemungkiran itu kepada Majisteret yang boleh mengeluarkan suatu waran untuk mendapatkan kehadiran orang itu sebagaimana dikehendaki oleh perintah itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana diperintah di bawah seksyen kecil (1) adalah berhak dibayar belanja perjalanan dan sara hidup yang berpatutan yang di tanggung olehnya.

Pemeriksaan saksi.

**14.** (1) Pegawai bertauliah yang membuat penyiasatan di bawah Seksyen 12 boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka tahu akan fakta-fakta dan hal keadaan yang berkaitan dengan kes itu dan hendaklah menyebabkan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang disiasat itu ditulis.

(2) Orang itu adalah diwajibkan menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai bertauliah itu:

> Dengan syarat orang sedemikian itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkemungkinan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau lucut hak.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah diwajibkan di sisi undang-undang menyatakan apa yang sebenarnya, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhan atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan.

(4) Pegawai bertauliah yang memeriksa seseorang di bawah seksyen kecil (1) hendaklah, terlebih dahulu memberitahu orang itu akan peruntukan-peruntukan seksyen kecil (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila boleh, ditulis dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibujarinya mengikut mana yang berkenaan, setelah ianya dibaca kepadanya dalam bahasa dalam mana dia membuatnya dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan

## JADUAL
(Seksyen 9)

### BAHAGIAN I

### PERKATAAN-PERKATAAN YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN BERKAITAN DENGAN UGAMA BUKAN ISLAM

| | | | |
|---|---|---|---|
| Allah | Illahi | Rasul | Fatwa |
| Firman Allah | Wahyu | Iman | Imam |
| Ulama | Mubaligh | Dakwah | Nabi |
| Hadith | Syariah | Injil | Sheikh |
| Ibadah | Qiblat | Salat | |
| Kaabah | Haji | Khalifah | |
| Kadi | Mufti | Wali | |

### BAHAGIAN II

### PERBAHASAAN YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM BERKAITAN DENGAN UGAMA BUKAN ISLAM

1. Subhanallah
2. Alhamdulillah
3. Lailahaillallah
4. Walillahilhamd
5. Allahu Akbar
6. Insyaallah

8. Tabaraka Allah
9. Masyaallah
10. Lahaula Walaquata Illabillahilaliyil Azim.

Diluluskan pada 4hb April 1988.
[DUN. Sel. 30051/45; PU. Sel. 1545 Sj. 18.]

MOHAMAD HASHIM BIN MAT AZIZ,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*

SELANGOR

# ENACTMENT No. 1 of 1988

I ASSENT,

TENGKU IDRIS SHAH,
*Regent of Selangor*

(STATE SEAL)

28th June 1988

An Enactment to control and restrict the propagation of non-Islamic religious doctrines and beliefs among persons professing the religion of Islam.

[ ]

WHEREAS Article 11 (4) of the Federal Constitution provides that State law may control or restrict the propagation of any religious doctrine or belief among persons professing the religion of Islam.

AND WHEREAS it is now desired to make a law to control and restrict the propagation of non-Islamic religious doctrines and beliefs among persons professing the religion of Islam.

NOW, THEREFORE, pursuant to Article 11 (4) of the Federal Constitution IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Non-Islamic Religions (Control of Propagation Amongst Muslims) Enactment, 1988. Short title.

Interpretation.

**2.** (1) In this Enactment—

"authorised officer" means a public officer authorised under Section 10 to exercise the powers of an authorised officer under this Enactment;

"minor" means a person who is under the age of eighteen years;

"Non-Islamic religion" means Christianity, Hinduism, Buddhism, Sikhism, Judaism or any variation, version, form or offshoot of any of the said religions, and includes any creed, ideology, philosophy, or any body of practices or observances—

*(a)* which has as one of its characteristics the worship of some spiritual or supernatural being or power, whether real or supposed; or

*(b)* which purports to have as its aims or one of its aims the attainment of spiritual enlightenment or spiritual existence,

being a creed, ideology, philosophy, or body of practice or observances which is not recognised by the religion of Islam as belonging to it;

"publication" includes any book, magazine, pamphlet, leaflet, sound-recording material, cinematograph films and any other material for reading, viewing or hearing howsoever produced;

"State" means the State of Selangor.

(2) For the purpose of this Enactment, a publication shall be held to be one concerning a non-Islamic religion if it is considered by the followers or members of that religion to be a holy or fundamental book or one of the essential texts of that religion (hereinafter referred to as "basic religious book") or if in essence it is a publication which—

*(a)* contains any quotation, excerpt, extract or reproduction whether in parts or in whole of a basic religious book;

*(b)* deals with any history, tenets, teachings, characteristics, fundamentals, observances, rites, rituals, virtues, dogmas, ordinances or organisation of that religion;

(c) deals with any being, power, person or thing worshipped or revered by the followers or members of that religion;

(d) comprises of stories, tales, legends, fables or anecdotes based on, emanating from or forming the basis of that religion;

(e) seeks to persuade, influence or incite persons to become followers or members of that religion or to learn or inquire about that religion; or

(f) seeks to lead persons to any knowledge or source of knowledge concerning any of the above-mentioned matters.

(3) Notwithstanding that a publication is a publication concerning a non-Islamic religion by reason that it falls under subsection (2), it shall not form the subject of an offence under this Enactment if the publication as a whole is in the interest of Muslims or the religion of Islam.

Criterion for deciding whether a person is a Muslim.

3. Where in a prosecution for an offence under this Enactment any question arises as to whether a person is a Muslim, that question shall be decided according to the criterion of general reputation, without making any attempt to question the faith, beliefs, conduct, behaviour, character, acts or omissions of that person.

Offence of persuading, influencing or inciting a Muslim to change faith.

4. (1) A person commits an offence if he persuades, influences or incites a Muslim—

(a) to be inclined towards any non-Islamic religion, or

(b) to become a follower or member of a non-Islamic religion; or

(c) to forsake or disfavour the religion of Islam.

(2) A person who commits an offence under subsection (1) shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding one year or to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to both.

(3) It shall not be a defence to a charge under subsection (1) that the Muslim was not affected by anything said or done by the accused to him.

Offence of subjecting a minor who is a Muslim to influences of a non-Islamic religion.

**5.** (1) A person commits an offence if he requires, causes, persuades, influences, incites, encourages or allows a minor who is a Muslim—

*(a)* to receive instruction in any non-Islamic religion; or

*(b)* to take part in any ceremony, act of worship or religious activity of any non-Islamic religion; or

*(c)* to take part in any activity for the benefit of a non-Islamic religion which is sponsored or organised by any body or institution associated with a non-Islamic religion.

(2) A person who commits an offence under subsection (1) shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding one year or to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to both.

(3) It shall not be a defence to a charge under subsection (1) that the accused did not know or was not informed by any person as to the religion of the minor.

Offence of approaching a Muslim to subject him to any speech on or display of any matter concerning a non-Islamic religion.

**6.** (1) A person commits an offence if he—

*(a)* calls on; or

*(b)* arranges or contrives a meeting with; or

*(c)* by any other means whatsoever, communicates with,

a Muslim for the purpose of subjecting the Muslim to any speech on or display of any matter concerning a non-Islamic religion.

(2) A person who commits an offence under subsection (1) shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding six months or to a fine not exceeding five thousand ringgit or to both.

Offence of sending or delivering publications concerning any non-Islamic religion to a Muslim.

**7.** (1) A person commits an offence if he—

(*a*) from within the State sends or delivers or causes to be sent or delivered to a Muslim within or outside the State; or

(*b*) from outside the State, sends or causes to be sent or delivered to a Muslim within the State,

any publication or advertising material concerning a non-Islamic religion which has not been requested for by the receiver.

(2) A person who commits an offence under subsection (1) shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding three months or to a fine not exceeding three thousand ringgit or to both.

(3) For the purpose of subsection (1), a publication sent to or delivered at the address of a person shall be deemed to be sent or delivered to that person.

(4) It shall not be a defence to a charge under subsection (1) that the person to whom the publication in question was sent or delivered had made a request for it if the request had been prompted by the accused or by any person acting for the accused.

(5) Subsection (1) does not apply to any officer or employee of the Postal Department who sends or delivers any publication in the course of his official duty.

Offence of distributing in a public place publications concerning non-Islamic religion to Muslims.

**8.** (1) A person commits an offence if he, in the course of distributing in a public place any publication concerning a non-Islamic religion, knowingly delivers a copy or copies of the publication to a Muslim.

(2) A person who commits an offence under subsection (1) shall, on conviction, be liable to a fine not [illegible] thousand ringgit.

Offence relating to the use of certain words and expressions of Islamic origin.

**9.** (1) A person commits an offence if he—

(*a*) in any published writing; or

(*b*) in any public speech or statement; or

(*c*) in any speech or statement addressed to any gathering of persons; or

(*d*) in any speech or statement which is published or broadcast and which at the time of its making he knew or ought reasonably to have known would be published or broadcast,

uses any of the words listed in Part I of the Schedule, or any of its derivatives or variations, to express or describe any fact, belief, idea, concept, act, activity, matter, or thing of or pertaining to any non-Islamic religion.

(2) A person who is not a Muslim commits an offence if he, in the circumstances laid down in subsection (1), uses any of the expressions listed in Part II of the Schedule, except by way of quotation or reference.

(3) A person who commits an offence under subsections (1) or (2) shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit.

(4) The Ruler in Council may, by order published in the *Gazette*, amend the Schedule.

Authority to exercise powers of an authorised officer.

**10.** The Ruler in Council may in writing authorise any public officer to exercise the powers of an authorised officer under this Enactment.

Seizable offences and seizable cases. *F.M.S. Cap. 6.*

**11.** All offences and cases under this Enactment shall be deemed to be seizable offences and seizable cases for the purposes of the Criminal Procedure Code.

Power of investigation and arrest

**12.** An authorised officer may investigate the commission of any offence under this Enactment and may arrest without warrant any person suspected of having committed any such offence.

Power to require attendance of witnesses.

13. (1) An authorised officer making an investigation under Section 12 may by order in writing require the attendance before himself of any person who appears to the officer to be acquainted with the circumstances of the case, and such person shall attend as so required.

(2) If any person subject to an order under subsection (1) fails to attend as required by the order, the authorised officer may report the failure to a Magistrate who may thereupon issue a warrant to secure the attendance of the person as required by the order.

(3) A person attending as required under subsection (1) shall be entitled to be paid the reasonable travelling and subsistence expenses incurred by him.

Examination of witnesses.

14. (1) An authorised officer making an investigation under Section 12 may examine orally any person supposed to be acquainted with the facts and circumstances of the case and shall reduce into writing any statement made by the person so examined.

(2) Such person shall be bound to answer all questions relating to the case put to him by the authorised officer:

Provided that such person may refuse to answer any question the answer to which would have a tendency to expose him to a criminal charge or penalty or forfeiture.

(3) A person making a statement under this section shall be legally bound to state the truth, whether or not the statement is made wholly or partly in answer to questions.

(4) An authorised officer examining a person under subsection (1) shall first inform that person of the provisions of subsections (2) and (3).

(5) A statement made by any person under this section shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print as the case may be, after it has

been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make any corrections he may wish.

## SCHEDULE.

(Section 9)

### PART I

WORDS WHICH ARE NOT TO BE USED PERTAINING TO A NON-ISLAMIC RELIGION

| | | | |
|---|---|---|---|
| Allah | Ilahi | Rasul | Fatwa |
| Firman Allah | Wahyu | Iman | Imam |
| Ulama | Mubaligh | Dakwah | Nabi |
| Hadith | Syariah | Injil | Sheikh |
| Ibadah | Qiblat | Salat | |
| Kaabah | Haj | Khalifah | |
| Kadi | Mufti | Wali | |

### PART II

EXPRESSIONS WHICH ARE NOT TO BE USED BY A NON-MUSLIM PERTAINING TO A NON-ISLAMIC RELIGION

1. Subhanallah
2. Alhamdulillah
3. Lailahaillallah
4. Walillahilham
5. Allahu Akbar
6. Insyaallah
7. Astaghfirullahal Azim
8. Tabaraka Allah
9. Masyaallah
10. Lahaula Walaquata Illabillahilaliyil Azim.

Passed this 4th day of April 1988.
[DUN. Sel. 30051/45; PU. Sel. 1545 Sj. 18.]

MOHAMAD HASHIM BIN MAT AZIZ,
*Clerk of the Legislative Assembly,*
*Selangor*

DICETAK OLEH HAJI MOKHTAR SHAMSUDDIN, [illegible] S.M.T., S.M.S., S.M.P., K.M.N., P.I.S.,
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
DENGAN PERINTAH PADA [illegible] JULAI 1988
*Harga* $1.20

# CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS ENACTMENT 1988

# ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1988

- CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS (AMENDMENT) ENACTMENT 7/2001 (BI & BM)

SELANGOR

# ENAKMEN No. 2 tahun 1988

BETA PERKENANKAN,

TENGKU IDRIS SHAH,
*Pemangku Raja Negeri Selangor*

(MOHOR KERAJAAN)

28hb Jun 1988

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988. Tajuk ringkas.

**2.** Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Jemaah" ertinya Jemaah Pengurusan yang

"Lembaga" ertinya badan yang didirikan oleh Majlis Raja-raja yang dikenali sebagai "Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam";

En. 3/52. "Majlis" ertinya Majlis Agama Islam yang dibentukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952.

"Nazir Sekolah Islam" ertinya Nazir yang dilantik di bawah Enakmen ini;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah Seksyen 3 Enakmen ini, dan termasuklah Timbalan-timbalan Pendaftar; dan

"Sekolah Islam" ertinya mana-mana Sekolah Agama Islam di dalam Negeri dan termasuklah masjid, madrasah, surau, pusat Islam, balaisah, pondok dan tadika, tetapi tidak termasuk mana-mana sekolah agama Islam yang berada di bawah kawalan Kementerian Pelajaran, di mana dua puluh orang atau lebih ada didaftarkan untuk mempelajari atau akan diajari mata-mata pelajaran yang termasuklah mana-mana mata pelajaran yang berhubungan dengan agama Islam.

## BAHAGIAN II

## PENDAFTAR DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENDAFTAR

Perlantikan Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar.

**3.** Majlis boleh, dengan kelulusan Raja, melantik:

(*a*) seorang Pendaftar Sekolah Islam Negeri; dan

(*b*) beberapa orang Timbalan Pendaftar Sekolah Islam sebagaimana yang diperlukan.

Tugas-tugas Pendaftar.

**4.** (1) Maka adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar untuk memastikan dan mengawasi yang semua Sekolah Islam dalam Negeri ditadbirkan dengan sepatutnya.

(2) Pendaftar hendaklah, pada setiap masa, sentiasa memberitahu Majlis tentang hal-ehwal semua Sekolah Islam dalam Negeri.

(3) Pendaftar hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar mengenai semua Sekolah Islam yang didaftarkan di bawah Enakmen ini

dan dalam daftar itu hendaklah direkodkan butir-butir mengenai setiap sekolah Islam termasuk—

(*a*) nama dan alamat sekolah;

(*b*) anggota-anggota Jemaah Pengurusan sekolah;

(*c*) kurikulum untuk sekolah; dan

(*d*) apa-apa maklumat lain yang disifatkan oleh Pendaftar patut direkodkan.

## BAHAGIAN III

## JEMAAH PENGURUSAN

Jemaah Pengurusan

5. (1) Sebelum suatu Sekolah Islam dibenar didaftarkan di bawah Enakmen ini maka hendaklah ada satu suratcara yang menubuhkan suatu Jemaah Pengurusan untuk sekolah itu.

(2) Tiap-tiap Jemaah itu hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tujuh orang yang hendaklah memegang apa-apa jawatan yang perlu bagi mana-mana Sekolah Islam yang tertentu dan mempunyai apa-apa kuasa dan tugas yang ditetapkan oleh suratcara itu.

Jemaah adalah tertakluk kepada kawalan Pendaftar

6. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa mana-mana orang yang telah dicadangkan untuk menjadi anggota Jemaah itu bukanlah seorang yang layak dan patut, maka dia boleh menolak orang itu daripada menjadi anggota Jemaah dan Jemaah hendaklah, atas penolakan sedemikian itu oleh Pendaftar, mencadangkan seorang lain untuk menggantikannya menjadi anggota Jemaah itu.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa seseorang anggota Jemaah bukanlah seorang yang layak dan patut maka dia hendaklah meminta Jemaah supaya memecatkan anggota itu dan apabila menerima permintaan itu Jemaah hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memecat dan menggantikan anggota itu.

(3) Jika Jemaah gagal atau enggan mematuhi permintaan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen kecil (1) dan (2), Pendaftar mempunyai kuasa untuk memecatkan anggota itu dan melantik mana-mana orang lain untuk menggantikan anggota itu.

(4) Mana-mana orang yang berhenti atau dipecat daripada menjadi anggota Jemaah hendaklah segera menyerahkan segala harta, barangan berharga, dokumen dan apa-apa perkara lain kepunyaan Sekolah Islam kepada Jemaah.

(5) Seseorang yang telah dipecatkan atau berhenti menjadi anggota Jemaah melakukan kesalahan jika dia—

(*a*) gagal menyerahkan segala harta, barang berharga, dokumen dan lain-lain perkara kepunyaan sekolah itu kepada Jemaah; atau

(*b*) terus bertindak sebagai anggota.

(6) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen kecil (5) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit, dan bagi kesalahan di bawah perenggan (*b*) dalam seksyen kecil (5), dia boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Tugas-tugas Jemaah.

7. (1) Anggota-anggota Jemaah hendaklah bertanggungjawab atas pengurusan Sekolah Islam secara bersesama dan masing-masing.

(2) Maka adalah menjadi tanggungjawab Jemaah—

(*a*) untuk sentiasa menyelenggarakan dengan sepatutnya Sekolah Islam di bawah kawalannya;

(*b*) untuk mematuhi arahan-arahan Pendaftar;

(*c*) untuk menyelenggarakan rekod yang sepatutnya mengenai—

(i) guru-guru dan kakitangan sekolah Islam;

(ii) nama, umur dan jantina penuntut;

(iii) sumber kewangan sekolah Islam;

(iv) kurikulum sekolah Islam;

(v) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Pendaftar.

(3) Jemaah hendaklah—

(*a*) memberitahu Pendaftar tentang apa-apa perubahan kepada suratcara Sekolah Islam itu; dan

(*b*) menghantar kepada Pendaftar segala maklumat yang diminta oleh Pendaftar.

(4) Jemaah boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Jemaah, seberapa ramai guru, pegawai dan pengkhidmat dan hendaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan atau membatalkan mana-mana perlantikan itu.

8. Jemaah hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau semunasabahnya perlu atau bersampingan dengan menjalankan tugas-tugasnya dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas: Kuasa-kuasa Jemaah.

(*a*) untuk memperolehi, membeli, mengambil, memegang, menikmati harta alih atau tak alih dari tiap-tiap jenis dan memindahhak, menyerahhak, menyerahkan balik, menyerahkan, menggadai, menggadaijanji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilik atau selainnya melupuskan, atau menguruskan atau memajukan mana-mana harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletakhak pada Jemaah atas apa-apa terma yang disifatkannya patut;

(*b*) untuk membuat apa-apa perkiraan dengan Kerajaan Negeri atau Persekutuan atau pihak berkuasa yang mungkinnya berfaedah kepada tugas-tugas Jemaah atau mana-mana antaranya dan mendapatkan daripada

Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa itu apa-apa hak, keistimewaan dan konsesi yang difikirkan mustahak didapatkan oleh Jemaah dan melaksanakan, menjalankan dan mematuhi mana-mana perkiraan, hak keistimewaan dan konsesi itu;

(c) melakukan segala perkara lain yang bersampingan atau berfaedah bagi mencapai maksud tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa Jemaah.

Kumpulan Wang.

**9.** (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, Jemaah hendaklah menubuhkan dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Akaun Sekolah Islam", yang ke dalamnya hendaklah dibayar masuk—

*(a)* apa-apa jumlah wang yang diterima oleh Jemaah;

*(b)* wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian, debentur atau syer yang diperolehi oleh atau diletakhakkan pada Jemaah;

*(c)* wang yang dikutip daripada yuran-yuran;

*(d)* wang yang didermakan oleh orang ramai atau pemberian yang diberikan oleh Kerajaan atau pihak-pihak berkuasa tempatan;

*(e)* jumlah-jumlah wang yang dipinjam dan didapati oleh Jemaah di bawah Enakmen ini; dan

*(f)* segala jumlah wang atau harta lain yang dengan apa-apa jua cara kena dibayar atau diletakhakkan pada Jemaah.

(2) Jemaah boleh membayar daripada Kumpulan wangnya—

*(a)* segala perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal, yang dilakukan oleh Jemaah di dalam menjalankan fungsi-fungsinya;

(b) wang untuk membayar balik pinjaman yang diterima oleh Jemaah menurut kuasanya untuk meminjam;

(c) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Jemaah.

(3) Jemaah boleh melaburkan kumpulan wangnya dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh Majlis.

**10.** Jemaah hendaklah menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pendaftar laporan-laporan tahunan yang menyentuhi aktiviti-aktiviti Sekolah Islam dan Akaun Sekolah Islam. Laporan.

**11.** (1) Tiap-tiap Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis, menggunakan buku-buku teks yang dinyatakan sedemikian dan menjalankan program mengenai latihan guru yang ditetapkan dan mengadakan apa-apa peperiksaan yang dinyatakan oleh Majlis. Jemaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis.

(2) Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan atau kehendak seksyen ini adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

## BAHAGIAN IV

## PENDAFTARAN SEKOLAH ISLAM

**12.** (1) Tertakluk kepada seksyen kecil (2), tiada orang atau kumpulan orang boleh menubuhkan atau mendirikan Sekolah Islam melainkan jika ia didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini. Pendaftaran.

(2) Semua Sekolah Islam yang telah ditubuhkan sebelum Enakmen ini mula berkuatkuasa hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini dalam masa enam bulan selepas Enakmen ini mula berkuatkuasa atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

Permohonan untuk Pendaftaran.

**13.** (1) Mana-mana orang yang hendak mendirikan Sekolah Islam hendaklah memohon untuk pendaftaran, dalam borang yang ditetapkan, kepada Pendaftar dan hendaklah juga mengemukakan kepada Pendaftar suratcara yang dicadangkan bagi Jemaah sekolah itu.

(2) Apabila menerima suatu permohonan, Pendaftar hendaklah menimbangkan permohonan itu dan sama ada meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika kelulusan telah diberikan, Pendaftar hendaklah segera mendaftarkan suratcara dan Jemaah Sekolah Islam itu dan mengeluarkan Perakuan Pendaftaran bagi sekolah itu dengan apa-apa syarat yang disifatkannya perlu.

Syarat-syarat memberi kelulusan.

**14.** Bagi maksud-maksud menimbangkan sama ada permohonan untuk pendaftaran diluluskan atau tidak Pendaftar hendaklah mengambil kira syarat-syarat yang berikut:

*(a)* kesesuaian Sekolah Islam atau bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan;

*(b)* kesesuaian orang-orang yang menganggotai Jemaah untuk menguruskan Sekolah Islam;

*(c)* sumber kewangan untuk menyelenggarakan Sekolah Islam;

*(d)* keperluan mengadakan satu lagi Sekolah Islam dalam kawasan di mana Sekolah Islam yang dicadangkan itu hendak didirikan; dan

*(e)* apa-apa syarat lain yang, pada pendapat Pendaftar, perlu untuk mendirikan Sekolah Islam dengan jayanya.

Pembatalan Pendaftaran.

**15.** (1) Pendaftar hendaklah memberitahu Jemaah tentang apa-apa ketakpatuhan mana-mana syarat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan olehnya dan hendaklah mengarahkan Jemaah supaya mematuhi syarat-syarat itu.

(2) Sekiranya Jemaah gagal mematuhi arahan-arahan Pendaftar itu, Pendaftar boleh membatalkan suratcara dan Perakuan Pendaftaran Sekolah Islam tersebut.

(3) Mana-mana Jemaah yang Sekolah Islamnya telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen ini boleh, apabila Pendaftar berpuas hati yang ketakpatuhan yang dinyatakan dalam arahan-arahan Pendaftar telah diperbaiki, memohon lagi untuk mendaftarkan semula Sekolah Islam itu.

**16.** Mana-mana Jemaah atau mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan Enakmen ini boleh, dalam masa 30 hari dari keputusan itu, membuat rayuan kepada Majlis dan keputusan Majlis itu adalah muktamad. Rayuan.

## BAHAGIAN V

## NAZIR SEKOLAH ISLAM

**17.** Majlis boleh melantik beberapa orang Nazir Sekolah Islam sepertimana yang diperlukan, yang tugas-tugasnya hendaklah termasuk— Perlantikan Nazir-nazir Sekolah Islam.

(*a*) menjalankan pemeriksaan, dari semasa ke semasa, ke atas Sekolah-sekolah Islam tentang pengajaran kurikulum yang dibenarkan, penggunaan buku-buku teks, guru-guru yang diambil bekerja dan pematuhan yang wajar akan Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya atau arahan-arahan Pendaftar;

(*b*) menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana Sekolah Islam berhubungan dengan apa-apa perkara yang dibenarkan oleh Pendaftar;

(*c*) menjalankan pemeriksaan ke atas akaun-akaun Sekolah Islam; ~~dan~~

(*d*) membuat laporan ke atas apa-apa perkara luar aturan, termasuk membuat apa-apa cadangan yang perlu kepada Pendaftar.

Majlis boleh membenarkan mana-mana orang menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah Islam.

**18.** Majlis boleh membenarkan secara bertulis mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Nazir Sekolah Islam dan orang yang dilantik sedemikian itu hendaklah mempunyai segala tugas dan kuasa yang dipunyai oleh Nazir Sekolah Islam.

Jemaah, guru dan pekerja hendaklah membantu Nazir Sekolah Islam.

**19.** (1) Mana-mana anggota Jemaah, guru atau pekerja Sekolah Islam hendaklah memberi segala kemudahan kepada mana-mana Nazir Sekolah Islam atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan dan hendaklah memberi segala maklumat dan mengemukakan segala buku, akaun dan lain-lain dokumen yang mungkin dikehendaki.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

## BAHAGIAN VI

## PELBAGAI

Lembaga hendaklah memberi bantuan.

**20.** Lembaga hendaklah membantu Majlis untuk menjalankan segala perkara yang mungkin perlu bagi menjalankan dengan sepatutnya Sekolah-sekolah Islam termasuk memberi apa-apa nasihat teknik, penggunaan buku-buku teks, kurikulum, peperiksaan, pengambilan guru dan latihan guru.

Pengecualian mematuhi Enakmen oleh Majlis.

**21.** Majlis mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana Sekolah Islam dari segala atau mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Kesalahan dan penalti.

**22.** Mana-mana orang yang—

*(a)* menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan Sekolah Islam tanpa Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini; atau

(*b*) bertindak dengan melanggari mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan di mana tiada hukuman ditetapkan bagi kesalahan itu, boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau dalam hal kesalahan kali kedua atau seterusnya, dikenakan penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan.

**23.** Pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah dibuat di dalam Mahkamah Majistret.

Majlis boleh mengarahkan pendakwaan.

**24.** (1) Majlis boleh mengarahkan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

(2) Pendaftar, Timbalan Pendaftar, atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menjalankan apa-apa jua pendakwaan seperti itu.

Kuasa untuk memasuki premis.

**25.** Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Nazir Sekolah Islam atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh pada setiap masa yang munasabah, masuk ke dalam mana-mana premis Sekolah Islam bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau selainnya memastikan yang sekolah itu ditadbirkan dengan sepatutnya.

Akta Perlindungan Pihak-pihak Berkuasa Awam 1948. *Akta 198.*

**26.** Akta Perlindungan Pihak-Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga, Majlis, Pendaftar, Timbalan Pendaftar, penyekhidmat atau mana-mana orang lain yang diberi

kuasa oleh Majlis atau Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan.

Pegawai-pegawai disifatkan sebagai pengkhidmat-pengkhidmat Awam.

**27.** Pendaftar, Timbalan-timbalan Pendaftar, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Majlis atau Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Kaedah-kaedah.

See P.U. 57/91

**28.** Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu boleh memperuntukkan berkenaan—

*(a)* suratcara Jemaah dengan apa-apa perubahan yang dibenarkan supaya sesuai dengan mana-mana Sekolah Islam yang tertentu;

*(b)* kurikulum bagi Sekolah Islam;

*(c)* jenis dan taraf buku-buku teks untuk digunakan dalam Sekolah Islam;

*(d)* pengawalseliaan peperiksaan yang akan diadakan dan sijil-sijil yang akan dikeluarkan;

*(e)* kelulusan guru-guru untuk Sekolah Islam;

*(f)* menetapkan cara bagaimana wang Jemaah akan dibelanjakan dan caranya dokumen, cek dan suratcara dari apa-apa perihalan hendak ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Jemaah;

*(g)* kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana kaedah itu;

*(h)* menetapkan borang bagi maksud mana-mana peruntukan Enakmen ini; dan

*(i)* apa-apa perkara lain yang perlu untuk mentadbirkan dengan sepatutnya Sekolah Islam.

Diluluskan pada 4hb April 1988.
[DUN. Sel. 30051/45; PU. Sel. 1545 Sj. 18.]

MOHAMAD HASHIM BIN MAT AZIZ,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*

SELANGOR

# ENACTMENT No. 2 of 1988

I ASSENT,

TENGKU IDRIS SHAH,
*Regent of Selangor*

(STATE SEAL)

28th June 1988

An Enactment to provide for the control of Islamic Religious Schools and to provide for matters related therewith.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the legislature of the State of Selangor as follows:

## PART I

## PRELIMINARY

Short title.

**1.** This Enactment may be cited as the Control of Islamic Religious Schools Enactment 1988.

Interpretation.

**2.** In this Enactment, unless the context otherwise requires—

"Board" means the Board of Management established under Section 5 of this Enactment;

"Islamic School" means any Islamic Religious School in the State and includes a mosque, madrasah, surau, Islamic centre, balaisah, pondok and kindergarten but

does not include any Islamic religious school under the control of the Ministry of Education where twenty or more persons are registered to learn or to be taught subjects which include any subject relating to the religion of Islam;

"Islamic School Inspector" means an Inspector appointed under this Enactment;

"Lembaga" means a body set up by the Conference of Rulers known as the "Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam";

